



SIARAN MEDIA

**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG, SELANGOR**

Tel: 03-80649000 / 9165

MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT BARU DAN PENYERAHAN BANTUAN ENJIN SANGKUT PNK BELURAN

BELURAN, 6 JULAI 2022: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, telah merasmikan bangunan pejabat baru Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran.

Pembinaan bangunan baru PNK Beluran ini dengan peruntukan kos pembelian sebanyak RM526 ribu daripada MAFI adalah untuk pengurusan PNK Beluran yang akan memanfaatkan semaksima mungkin penggunaan bangunan termasuk operasi, pentadbiran yang lebih cekap serta mengadakan aktiviti-aktiviti pembangunan sosioekonomi masyarakat khususnya dalam kalangan ahli-ahli nelayan.

Antara bantuan yang telah disediakan oleh Kerajaan melalui LKIM adalah Elaun Sara Hidup Nelayan atau (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Projek Khas Perumahan Nelayan, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kontan, Bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program *Food Basket* Nelayan.

Dr Ronald berkata pada tahun ini sahaja, MAFI telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM77.2 juta ringgit kepada LKIM bagi projek-projek Projek Rancangan Malaysia Ke-12.

Turut disampaikan pada majlis tersebut adalah Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan (Touch Point) – Enjin Sangkut kepada 30 orang penerima yang merupakan ahli PNK Beluran dengan peruntukan sebanyak RM10,000.00 seorang dan jumlah keseluruhan sebanyak RM300,000.00.

“Selari dengan hasrat MAFI bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara, pelbagai lagi program dan pendekatan baharu telah dirangka sepanjang tahun ini bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa serta memenuhi piawaian,” kata Dr Ronald.

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Yang Berusaha Tuan Yusoff Othman turut berkata terdapat sebanyak 16 buah Persatuan Nelayan Negeri Sabah (PENGASAH) sebagai bapa kepada 15 lagi Persatuan Nelayan Kawasan dengan keahlian seramai hampir 13,159 nelayan di seluruh Sabah.

“LKIM sentiasa terbuka hati untuk menerima seramai mungkin nelayan ahli persatuan supaya dapat menerima pelbagai bantuan yang disalurkan,” kata Yusoff.

Kerajaan melalui MAFI juga sedar kepentingan dan peranan penting yang dimainkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan terutama di kawasan Beluran dalam usaha menjaga hal ehwal kebajikan dan menjadi suara nelayan setempat untuk diangkat ke peringkat lebih tinggi.

Ini menjadi terbukti bahawa Kerajaan Keluarga Malaysia menitik beratkan segala aspek dalam memastikan rakyat khususnya nelayan mendapat kemudahan yang baik di semua peringkat.

Kerajaan akan terus memastikan kebajikan golongan nelayan yang merupakan antara barisan hadapan sektor agromakanan yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan sekuriti bekalan makanan negara.

Turut hadir dalam majlis ini Pengarah LKIM Negeri Sabah, Encik Mohd Jamil Abdullah, Penolong Pegawai Daerah Beluran Bahagian Pembangunan, Tuan Mohd Zali bin Sulaiman, Pengarah Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan, Puan Norfajawarti binti Baharudin dan Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM, Puan Aida Irdawaty binti Mohamad.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

6 Julai 2022